



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

LAPORAN TAHUNAN

2017

DASAR

Khidmat Terbaik



VISI

Menjadikan Shah Alam
Bandar Raya yang berkualiti,
sejahtera, kondusif dan
terunggul

MISI

Meningkatkan tadbir urus MBSA
sebagai organisasi yang efisien, efektif,
kompeten, dinamis dan terus cemerlang

Laporan Korporat

1	Dasar, Visi, Misi	7	Pengurusan MBSA
3	Objektif	9	Anugerah dan Pengiktirafan 2015-2017
4	Carta Organisasi	11	Ahli Majlis Sesi 2016-2017
5	Zon Majlis Perwakilan Penduduk	13	Ringkasan Eksekutif
6	Pengurusan Tertinggi MBSA		


Laporan Perkhidmatan

18	Jabatan Khidmat Pengurusan	71	Jabatan Penguatkuasaan	106	Bahagian Tender Dan Ukur Bahan
25	Jabatan Kewangan	76	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam	110	Bahagian Integriti
30	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	85	Bahagian Teknologi Maklumat	113	Bahagian Pengangkutan Bandar
37	Jabatan Pelesenan	90	Bahagian Audit Dalam	118	Pejabat Cawangan Sungai Buloh
41	Jabatan Perancangan	93	Bahagian Perundangan	121	Pejabat Cawangan Kota Kemuning
46	Jabatan Bangunan	96	Bahagian Korporat Dan Perhubungan Awam	125	Pejabat Cawangan Setia Alam
50	Jabatan Landskap	100	Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)		
57	Jabatan Kesihatan Persekitaran	103	Bahagian Pusat Setempat (OSC)		
62	Jabatan Kejuruteraan				
67	Jabatan Pembangunan Komuniti				


OBJEKTIF

- Perkhidmatan perbandaran yang efisien.
- Mewujudkan Shah Alam sebagai sebuah bandar raya yang bersih, indah, ceria dan selamat.
- Memastikan perancangan dan pembangunan yang teratur dan terkawal selaras dengan pembangunan mampan bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang pelabur/peniaga dalam dan luar negara.
- Memastikan budaya penyelenggaraan yang efektif dan konsisten.
- Mewujudkan bandar raya sejahtera.
- Meningkatkan pembangunan kemasyarakatan seimbang dengan pembangunan fizikal.
- Memelihara dan memulihara alam sekitar untuk keselesaan dan kesejahteraan warga Shah Alam dan generasi masa hadapan.
- Mewujudkan persekitaran yang kondusif, untuk pertumbuhan industri, perdagangan dan pelancongan.
- Menjadikan Shah Alam pusat pembangunan dan kecemerlangan ilmu pendidikan.
- Mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selesa bagi orang kurang upaya (OKU) dan warga emas.
- Tadbir urus yang cekap, berintegriti dan berhemah.
- Memastikan warga kerja yang kompeten, komited dan berintegriti.
- Mengutamakan pelanggan dalam memberi perkhidmatan yang cekap, tepat, telus dan berkesan secara berterusan.
- Membudayakan penggunaan teknologi maklumat dalam semua urusan perkhidmatan.
- Menguatkuasakan peraturan dan undang-undang secara berhemah dan profesional.

CARTA ORGANISASI



ZON MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK



Zon Seksyen

- Zon 1** ● 1, 2, 3, 4, 5, 6, 14
- Zon 2** ● 9, 10, 11, 12, 13
- Zon 3** ● 7 & U12
- Zon 4** ● 8 & U11
- Zon 5** ● 15 & 16
- Zon 6** ● 17 & 18
- Zon 7** ● 19, 20, 21
- Zon 8** ● 22, 23, 24
- Zon 9** ● 25
- Zon 10** ● 26, 27, 28
- Zon 11** ● 29 & 30
- Zon 12** ● 31 & 33
- Zon 13** ● 32
- Zon 14** ● 34 & 35
- Zon 15** ● 36
- Zon 16** ● U1 & U2
- Zon 17** ● U3, U6, U7
- Zon 18** ● U4A & U5
- Zon 19** ● U8
- Zon 20** ● U9, U10, U14
- Zon 21** ● U13
- Zon 22** ● U15 & U16
- Zon 23** ● U17, U18, U19A
- Zon 24** ● U4B, U19B, U20

PENGURUSAN TERTINGGI **MBSA**



**Tuan Shukri Bin
Mohamad Hamin**
Timbalan Datuk Bandar



**Y.Bhg. Dato' Haji Ahmad
Zaharin Bin Mohd Saad**
Datuk Bandar



Tuan Haji Rosli Bin Bakar
Timbalan Setiausaha

PENGURUSAN MBSA 2018



**Encik Madiyan
Bin Baweh**
Pegarah Jabatan
Khidmat Pengurusan



**Encik Affandi
Bin Haji Jaafar**
Pegarah Jabatan
Kewangan



**Encik Roslan
Bin Musa**
Pegarah Jabatan
Penilaian & Pengurusan
Harta



**Tuan Ir. Haji Cheremi
Bin Tarman**
Pegarah Jabatan
Kejuruteraan



**Puan Aniza
Binti Haji Osman**
Pegarah Jabatan
Perancangan



**Encik Mohd Yunus
Bin Suri**
Pegarah Jabatan
Landskap



**Tuan Haji Rosli
Bin Bakar**
Pegarah Jabatan
Pelesenan
(Timbalan Setiausaha)



**Encik Norhisham
Bin Muhammad @
Mohd Isa**
Jabatan Kesihatan
Persekutuan
(Pemangku
Ketua Jabatan)



**Puan Hajah Rose Zairani
Binti Haji Marmuji**
Pegarah Jabatan Bangunan



**Puan Hajah Asmah
Binti Mohd Zin**
Pegarah Jabatan
Pembangunan Komuniti



**Tuan Haji Abdul Hakim
Bin Mahmud**
Ketua Jabatan
Penguatkuasaan



**Encik Mohd Azmi
Bin Amer Khan**
Ketua Jabatan Pengurusan Sisa
Pepejal & Pembersihan Awam



**Puan Umi Aida
Binti Ab. Malik**
Ketua Bahagian Teknologi
Maklumat



**Encik Radzuan
Bin Mezalan**
Ketua Bahagian Audit
Dalam



**Encik Mohd Sofian
Bin Abdul Rahman**
Ketua Bahagian
Perundangan



**Encik Shahrin
Bin Ahmad**
Ketua Bahagian
Korporat dan
Perhubungan Awam



**Encik Badrul Hisham
Bin Hussain**
Ketua Bahagian Pesuruhjaya
Bangunan (COB)



**Puan Wardiyah
Binti Senik @ Abdul Mokhti**
Ketua Bahagian Pusat Setempat
(OSC)



**Puan Siti Nurhafidzah
Binti Adnan**
Bahagian Tender &
Ukur Bahan
(Pemangku Ketua Bahagian)



**Encik Noraznizam
Bin Alias**
Ketua Bahagian
Pengangkutan Bandar



**Puan Hajah Juliah
Binti Hj. Alimun**
Ketua Bahagian Integriti



**Encik Mohd Rizal
Bin Johari**
Pengurus Pejabat
Cawangan Sungai Buloh



**Encik Sahrul Nizam
Bin Ahmad**
Pengurus Pejabat
Cawangan
Kota Kemuning



Encik Zakria Bin Saleh
Pengurus Pejabat
Cawangan Setia Alam

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

2015

- Pemenang Anugerah Green Apple bagi Kategori Environmental Best Practice di The House of Parliament, London.
- Anugerah Emas dan Tiga Bintang pada Konvensyen Team Excellence Kebangsaan di Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC).
- Anugerah Emas – Konvensyen Team Excellence Wilayah Utara.
- Tempat pertama Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejuruan Hijau bagi Kategori Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH).
- Hadiah Utama bagi Kategori Produk Akhir Terbaik pada Anugerah Cabaran My Innovation Negeri Selangor.
- Johan Kategori Pengurusan pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Ke-28.
- Naib Johan Pengurusan Rekod Terbaik Peringkat Dewan/Majlis Bandaraya, anjuran Arkib Negara Malaysia.
- Naib Johan Kategori Teknikal pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan Negeri Selangor Ke-28.
- Anugerah Khas pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Ke-28.

2016

- Anugerah Emas Ezy-Pameran di National and Invention Competition Through Exhibition di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah Darul Aman.
- Inovasi Juara Kelas 1: Perkhidmatan dan Pemasaran Produk – Ezy-Pameran di National and Invention Competition Through Exhibition di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah.
- Anugerah Khas Inovasi Paling Bernilai Johan Keseluruhan – Ezy-Pameran di National and Invention Competition Through Exhibition di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah.
- Anugerah Emas Konvensyen Team Excellence Wilayah Tengah di Dorsett Grand Subang.
- Anugerah Emas International Convention On Quality Control Circle – ICQCC Bangkok, Thailand.
- Anugerah Akrab Kategori Organisasi (Akrab Dinamik) daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
- Anugerah Tabung Majikan Prihatin Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia.
- Anugerah Cemerlang KPI HRMIS daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
- Anugerah Khas Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di Majlis Apresiasi Inovasi Peringkat Negeri Selangor.
- Anugerah Khas International Convention On Quality Control Circle Kumpulan EX7 mewakili Majlis Bandaraya Shah Alam.
- Persembahan Terbaik Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Selangor.
- Johan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Selangor.
- Anugerah Langkawi kepada MBSA kerana sumbangan ke arah keseimbangan pembangunan negara dan alam sekitar.

- Pengiktirafan Total Quality Management Program mengikut kriteria Total Quality Fast Track Model oleh SIRIM Berhad.
- Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti QE-5S anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).
- Pengiktirafan 5S-Hijau mengikut kriteria SIRIM Berhad.
- Pengiktirafan Lean Management oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).
- Pensijilan MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM QAS.
- Pensijilan ISO/IEC 27001: 2013 oleh SIRIM Berhad.
- Fasilitator Cemerlang – sempena Anugerah Team Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan di Putrajaya International Convention Centre (PICC).
- Anugerah Ceria Bahasa anjuran Dewan Bahasa Pustaka (Penarafan 5 Bintang Peringkat Kebangsaan).
- Anugerah Inovasi Negara Kategori Perkhidmatan di Nu Sentral & Hilton Kuala Lumpur.
- Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Kategori Pengurusan – Wakil Negeri Selangor di Melaka International Trade Centre, Ayer Keroh, Melaka.



2017

- Anugerah 5 Bintang daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor atas pencapaian 100% dalam KPI HRMIS.
- Anugerah Arkitek Landskap Malaysia atau 'Malaysia Landscape Architecture Awards' (MLAA) bagi Kategori Badan Kerajaan.
- MBSA turut tersenarai sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor yang menerima penarafan lima bintang dari pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).
- Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan bagi Program Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (iAKKP) dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.
- Komuniti Penduduk Taman Universiti Utama, Jalan Kebun mendapat tempat kedua Kategori Sungai di Majlis Penyampaian Hadiah Program Pantai Dan Sungai Angkat Negeri Selangor.
- MBSA antara 2 buah Pihak Berkuasa Tempatan yang terpilih mewakili Malaysia di peringkat Asia bagi penilaian bandar yang mengamalkan polisi rendah karbon dengan pengiktirafan sebagai "Low Carbon Model Town Project-Phase 7" di Jakarta, Indonesia oleh Asia Pacific Economic (APEC).

AHLI MAJLIS SESI 2016/2017



**Y.Bhg. Dato' Haji Ahmad Zaharin
Bin Mohd Saad**
Datuk Bandar

PENGERUSI MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP)



**Encik Ahmad Dusuki
Bin Abdul Rani**
Zon 1 (Seksyen 1, 2, 3, 4, 5, 6 & 14)



**YAD Dato' Haji Emran
Bin Haji Kadir**
Zon 2 (Seksyen 9, 10, 11, 12 & 13)



**Encik Noryzal
Bin Zainal Abidin**
Zon 3 (Seksyen 7 & U12)



**Datin Hajjah Anizan
Binti Othman**
Zon 4 (Seksyen 8 & U11)



Puan Noraini Binti Hussin
Zon 5 (Seksyen 15 & 16)



Encik Abdul Halim Bin Omar
Zon 6 (Seksyen 17 & 18)



**Encik Atzainizam
Bin Abd Rahman**
Zon 3 (Seksyen 7 & U12)



Encik Awang Bin Ibrahim
Zon 8 (Seksyen 22, 23 & 24)



Puan Ruthira a/p Surasan
Zon 9 (Seksyen 25)



Puan Rozaina Binti Hamzih
Zon 10 (Seksyen 26, 27 & 28)



Encik Imran Bin Satiman
Zon 11 (Seksyen 29 & 30)



**Encik Tan Ah Kow
@ Tan Sie Wai**
Zon 12 (Seksyen 31 & 33)



Encik Prakash Rao a/l Applasamy
Zon 13 (Seksyen 32)



Encik Papparaidu a/l Veraman
Zon 14 (Seksyen 34 & 35)



Encik Nor Asikin Bin Selamat
Zon 15 (Seksyen 36)



Encik Fakhru Azman Bin Khalidin
Zon 16 (Seksyen U1 & U2)



Encik Ir. Foong Saik Hoong
Zon 17 (Seksyen U3, U6 & U7)



Puan Siti Rohaya Binti Ahad
Zon 18 (Seksyen U4a & U5)



**YM Tengku Ahmad
Bin Tengku Kasim**
Zon 19 (Seksyen U8)



**Encik Prakash Rao
a/l Applasamy (Memangku)**
Zon 20 (Seksyen U9, U10 & U14)



Encik Siow Fun Yean
Zon 21 (Seksyen U13)



**Encik Muhammad Shakir
Bin Ameer Mohideen**
Zon 22 (Seksyen U15 & U16)



**Encik Harri
Bin Mohammad Hassan**
Zon 23 (Seksyen U17, U18 & U19a)



Encik Zulnizam Bin Shahrani
Zon 24 (Seksyen U4b, U19b & U20)

“ Tahun 2017, penumpuan diberikan ke arah perkhidmatan penggunaan teknologi pintar dan aplikasi mudah alih yang berkonsepkan atas talian selaras dengan perubahan zaman dan tuntutan kepada perkhidmatan berteknologi pada masa kini. Antara perkhidmatan yang menggunakan teknologi pintar yang diperkenalkan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) adalah aplikasi i-Adu, i-Sekat, Flexi-Parking dan sebagainya. ”



RINGKASAN EKSEKUTIF

MBSA juga menumpukan pelaksanaan pelbagai program berpandukan kepada Pelan Tindakan Bandar Raya Rendah Karbon MBSA 2030. Program-program yang dilaksanakan ini bukan hanya untuk merealisasikan sasaran yang ditetapkan iaitu 45 % pengurangan penghasilan karbon menjelang tahun 2030, ia juga bermatlamatkan memberi pendidikan dan penekanan terhadap peri pentingnya pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar bermula dari peringkat awal.

Oleh demikian, program yang melibatkan semua peringkat usia, latar belakang dan kaum telah dilaksanakan bagi menggalakkan masyarakat di Shah Alam melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar seperti program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan, Pertandingan Kitar Semula, Program Penanaman Pokok 'Shah Alam Trees For Life', Penyerahan Tong Sampah Secara Percuma, Kempen 'Green Initiative For Taska (Gift)' Taska/Tadika dan sebagainya.

Selain daripada memberi fokus kepada pelaksanaan Pelan Tindakan Bandar Raya Rendah Karbon MBSA 2030, MBSA turut menekankan kepada aktiviti penguatkuasaan. Tindakan dan pelaksanaan operasi telah dijalankan bagi memantau dan memastikan persekitaran bandar raya Shah Alam bebas daripada sebarang halangan lalu lintas, pemilik premis yang mematuhi peraturan, bandar raya yang bebas halangan serta menyita kenderaan berat yang diletakkan di bahu jalan.

RINGKASAN EKSEKUTIF



Operasi dan pemeriksaan dipergiatkan dari masa ke semasa bagi memantau kawasan yang berpotensi menjadi sasaran segelintir individu yang tidak bertanggungjawab. Penetapan penyelia kawasan bagi menyelia dan memantau kawasan sekitar Shah Alam secara berkala merupakan tindakan awalan sebelum aduan awam dilaporkan.

‘SMART CITY SMART SERVICES’

MBSA sedang menggiatkan usaha ke arah memantapkan lagi mutu penyampaian perkhidmatannya selaras dengan konsep ‘smart city smart services’. MBSA menyahut cabaran pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk menjadi negeri pintar atau “smart state” dengan menawarkan kepelbagaian perkhidmatan kepada rakyat Selangor.

Pelaksanaan program “smart city” telah diperkenalkan oleh MBSA khusus untuk penduduk Shah Alam bagi memberikan kemudahan dan perkhidmatan berimpak tinggi melalui penggunaan teknologi masa kini. Pelbagai perkhidmatan di hujung jari ditawarkan dan pelaksanaan konsep turun padang untuk mendekati penduduk Shah Alam.

Antara perkhidmatan pintar yang diperkenalkan adalah aplikasi i-Adu yang memberikan kemudahan kepada orang awam membuat aduan atas talian melalui telefon mudah alih. Sistem i-Adu bukan sahaja memudahkan orang ramai untuk menyalurkan aduan awam, pada masa yang sama i-Adu ini juga memudahkan penyelia kawasan untuk mengemaskini aduan yang telah diambil tindakan dengan memberi pemakluman secara terus kepada Unit Pengurusan Aduan.



Flexi Parking iaitu sistem bayaran tempat letak kereta pintar melalui penggunaan telefon pintar sebagai kaedah alternatif selain daripada menggunakan kupon gores dan pas bulanan juga diperkenalkan dengan kerjasama pihak Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd. Sistem Flexi Parking ini merupakan salah satu inisiatif pihak MBSA ke arah penambahbaikan pengurusan tempat letak kereta yang lebih efisien dan sistematik. Melalui sistem ini, orang ramai boleh membuat belian kredit secara talian terus melalui perbankan Internet menggunakan telefon pintar. Pengenalan sistem Flexi Parking akan memudahkan proses pembayaran tanpa perlu mempamerkan kupon gores atau pas bulanan.

Satu lagi inovasi yang diperkenalkan adalah sistem semakan berpusat iaitu i-Sekat. i-Sekat adalah sistem semakan permohonan daripada individu atau syarikat bertujuan untuk memastikan mereka bebas dari sebarang tunggakan dengan pihak Majlis. Sistem i-Sekat ini menggunakan nombor kad pengenalan atau nombor pendaftaran syarikat sebagai rujukan terhadap sebarang tunggakan yang dikenakan antaranya kompaun Majlis, kompaun tempat letak kereta, cukai taksiran, lesen, sewa, bil-bil utiliti dan kos pembersihan lot kosong.



PROGRAM SHAH ALAM HARI TANPA KENDERAAN

Program ini yang pada mulanya kurang mendapat perhatian dan penglibatan penduduk kini telah menjadi trend di bandar raya Shah Alam. Ini kerana penglibatan penduduk Shah Alam yang semakin meningkat pada setiap bulan dan mendapat penyertaan dari pelbagai pihak.

Program ini dilaksanakan untuk menggalakkan warga Shah Alam mengamalkan gaya hidup sihat dengan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian di atas jalan raya sekaligus dapat mengurangkan pelepasan gas karbon yang boleh mencemarkan alam sekitar. Selaras dengan matlamat dan sasaran MBSA untuk menjadikan Shah Alam menjadi bandar raya rendah karbon menjelang tahun 2030, program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan ini merupakan salah satu usaha untuk mencapai matlamat ini.

Program ini juga memberi ruang dan peluang kepada penduduk Shah Alam untuk melakukan aktiviti rekreasi dan riadah bersama keluarga, dengan memanfaatkan penggunaan kawasan sekitar Dataran Kemerdekaan dan jalan-jalan persiaran yang ditutup sepanjang program ini berlangsung. Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti berbasikal, berjalan kaki, berjogging mengelilingi pusat bandar Shah Alam, aktiviti senamrobik dan sebagainya untuk memberi peluang kepada warga Shah Alam melakukan aktiviti yang menyihatkan.



Selain daripada itu, turut diadakan aktiviti jualan produk hijau seperti baja pokok dan anak pokok, jualan bunga hiasan dan pokok buah-buahan serta jualan hasil seni kraf dan lukisan. Turut diadakan aktiviti 'Eco-Free Market' yang bertujuan untuk membantu golongan yang memerlukan. Program ini merupakan satu idea yang murni dengan melibatkan pemberian barang-barang keperluan asas daripada penyumbang-penyumbang yang mulia dan diberi secara percuma kepada mereka yang memerlukan.

OPERASI DAN PENGUATKUASAAN

Tahun 2017 juga merupakan Tahun Penguatkuasaan. MBSA memperkasakan aktiviti penguatkuasaan melalui operasi-operasi yang dilaksanakan. Kakitangan yang terlibat dengan kerja-kerja penguatkuasaan telah menjalankan tugas dengan baik dan berwibawa. Antara aktiviti penguatkuasaan yang diperkasakan adalah penguatkuasaan kebersihan premis makanan, pembuangan sampah haram, iklan dan bunting haram, lesen perniagaan, siber kafe tanpa kebenaran, tanjakan haram, binaan haram, perniagaan tanpa lesen dan sebagainya.

Pelaksanaan operasi adalah secara bersama di peringkat jabatan dalaman dan melibatkan penyertaan daripada agensi luar. Antara operasi yang diadakan adalah Operasi Penundaan Kenderaan Berat. Operasi ini pertama kalinya dilaksanakan pada bulan Februari 2017 berjaya menunda sebanyak 122 buah kenderaan berat melebihi 3 tan. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 25 operasi telah dilaksanakan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Sebanyak 173 kompaun dikeluarkan dan MBSA berjaya memperolehi hasil daripada operasi ini sebanyak RM59,635.00.

Dalam usaha untuk memerangi penampalan iklan tanpa kebenaran, MBSA sentiasa komited mengadakan operasi secara berkala menanggalkan iklan-iklan tanpa kebenaran di sekitar Shah Alam. Operasi ini juga dilaksanakan untuk memastikan bandar raya Shah Alam bebas dari iklan tanpa kebenaran dan merupakan usaha berterusan untuk membendung pemasangan iklan tanpa kebenaran. Pada tahun 2017, sebanyak 181,128 iklan tanpa kebenaran berjaya ditanggalkan oleh pihak MBSA. Antara perkhidmatan iklan tanpa kebenaran ini adalah berkaitan dengan pinjaman wang, sewa lori, lelong rumah, perubatan tradisional dan sebagainya.

Operasi pecah tanjakan dilaksanakan bagi membanteras pemilik premis yang menyalahgunakan petak tempat letak kenderaan tanpa kebenaran. Pada tahun 2017, sebanyak 33 kali operasi pecah tanjakan telah dilaksanakan. Sebanyak RM9.8 juta bersamaan 59,566 keping kompaun telah dikeluarkan. Pihak MBSA telah menyediakan kemudahan sewaan petak khas tempat letak kenderaan bagi 21 kategori perniagaan seperti klinik, bengkel kenderaan, ruang pameran, kedai perabot, taska dan sebagainya.

RINGKASAN EKSEKUTIF



PERPUSTAKAAN BERGERAK

Menyedari akan pentingnya bahan-bahan bacaan demi untuk melahirkan masyarakat yang bertamadun dan cintakan ilmu, MBSA telah menubuhkan perpustakaan bergerak untuk ditempatkan dari satu tempat ke satu tempat dalam usaha memastikan komuniti Shah Alam mendapat sumber rujukan dari bahan ilmiah. Perpustakaan bergerak ini dibina dari sebuah lori berkapasiti kecil memuatkan pelbagai koleksi buku dan dilengkapi dengan alat pandang seperti televisyen dan sebagainya.

Penyediaan perpustakaan bergerak atau 'mobile library' ini bertujuan untuk memupuk dan menanamkan minat membaca terutamanya di kalangan para pelajar sekolah dalam usaha melahirkan masyarakat berilmu yang cintakan buku sebagai sumber rujukan kepada kehidupan mereka. Penubuhannya juga bertujuan untuk menyampaikan maklumat

perkhidmatan dan program yang dianjurkan oleh pihak MBSA agar penduduk sekitar mengambil maklum terhadap usaha-usaha yang dilaksanakan demi kesejahteraan masyarakat Shah Alam.

Melalui perpustakaan bergerak ini, penduduk sekitar dapat memperoleh bahan bacaan terbitan terkini yang berada di pasaran. MBSA bercadang untuk menempatkan perpustakaan bergerak ini di beberapa buah sekolah seperti di Sekolah Rendah Agama (SRA) Paya Jaras, SRA TTDI, SRA Jalan Kebun termasuklah SRA Integrasi Seksyen 19. Setiap sekolah akan dilawati setiap 2 minggu sekali bagi memudahkan para pelajar meminjam dan memulangkan buku yang dipinjam. MBSA turut membuka perpustakaan bergerak ini pada setiap program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan dengan menawarkan aktiviti kraf kreatif khususnya untuk kanak-kanak.

PENGANUGERAHAN DAN PENGIKTIRAFAN

Tahun 2017 mencatatkan kecemerlangan MBSA melalui pengiktirafan dan anugerah yang diperolehi. Pandangan serta tuntutan kepada keperluan serta kehendak penduduk Shah Alam di pandang serius dan direalisasikan menerusi penyediaan pelbagai perkhidmatan yang seiring dengan teknologi dan perubahan zaman. Warga kerja MBSA yang semakin peka terhadap permintaan 'stake holders' sentiasa berusaha untuk memenuhinya dengan menghasilkan pelbagai produk inovasi yang dizahirkan melalui penyediaan perkhidmatan yang berimpak tinggi, menjimatkan serta memberikan kemudahan kepada semua pihak.

Kepelbagaian penyediaan program yang bermanfaat serta aktiviti yang melibatkan pelbagai latar belakang penduduk kini semakin mendapat perhatian dan sokongan masyarakat di Shah Alam. Usaha-usaha yang diketengahkan diterima baik malahan, penduduk Shah Alam semakin sedar dan maklum terhadap peranan dan fungsi MBSA yang tidak hanya tertumpu untuk menyediakan perkhidmatan perbandaran sahaja. Aktiviti dan program kemasyarakatan yang dilaksanakan ini diiktiraf oleh pelbagai badan dan agensi kerajaan atas usaha dan keprihatinan MBSA dalam mengekalkan bandar raya Shah Alam menjadi lebih vibrant dan berdaya saing.

Berikut adalah pengiktirafan dan penganugerahan yang diperolehi pada tahun 2017:-

- Anugerah Emas Icomplex'17 di "National Innovation and Invention Competition Through Exhibition 2017" anjuran Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Jitra, Kedah.
- Inovasi Terbaik (Trolis Pintar) Kelas F (Tempat Ketiga) Icomplex'17 anjuran Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Jitra, Kedah.
- Cemerlang Dan 5 Bintang Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2016 anjuran Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.
- 5 Bintang (100%) KPI HRMIS Tahun 2016 Sempena Mesyuarat Pengurus-Pengurus Sumber Manusia anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

- Tempat Kedua Kategori Sungai, Program Pantai Dan Sungai Angkat Negeri Selangor 2016 anjuran Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor.
- Anugerah Arkitek Landskap Malaysia Atau 'Malaysia Landscape Architecture Awards' (MLAA) 2016 Bagi Kategori Badan Kerajaan – Anugerah Inisiatif Hijau Melalui Projek Inisiatif Penghijauan Lorong Belakang Shah Alam.
- Penganugerahan Sistem Pengurusan Kualiti, MS ISO 9001:2015 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan 2016 Bagi Program Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (IAKKP) anjuran Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.
- Anugerah Khas Inisiatif Pelaksanaan Kerangka Kerja Bandar Rendah Karbon Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor anjuran Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor.
- "Certificate of Consistency for Their Continued Sustained of Quality Environment (5S) Management System", Sempena Seminar Amalan 5S Horizon Baru 2017.

Khidmat terbaik.

DATO' HAJI AHMAD ZAHARIN BIN MOHD SAAD

D.P.M.S., S.M.S., B.P.C.

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Shah Alam

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN


1.0 SEKSYEN SUMBER MANUSIA

1.1 UNIT PERKHIDMATAN


- 1.1.1 Menguruskan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
Pada tahun 2017, jumlah keseluruhan kakitangan anggota tetap dan kontrak yang dinilai adalah seramai 1,622 orang dan bilangan kakitangan yang layak dipertimbangkan untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2016 seramai 130 orang.




- 1.1.2 Menguruskan pertukaran pegawai dan kakitangan
Sepanjang tahun 2017, sebanyak lima (5) jawatan guna sama yang telah diuruskan pertukaran. Seramai 340 orang kakitangan telah terlibat dalam proses pertukaran ini, termasuk anggota penguatkuasa, apabila Majlis melaksanakan Penstrukturan Semula Jabatan Penguatkuasaan.
- 1.1.3 Mengurus pelantikan semula perkhidmatan kontrak



- 1.1.4 Menguruskan Pergerakan Gaji Tahunan
Seramai 1,463 orang pegawai dan kakitangan telah mendapat Pergerakan Gaji Tahunan berdasar bulan-bulan berikut:



- 1.1.5 Menguruskan pengesahan jawatan dalam tempoh 2 minggu setelah memenuhi syarat perkhidmatan yang ditetapkan.




JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

1.2 UNIT PERJAWATAN DAN KENAIKAN PANGKAT


1.2.1 LAPORAN PENGISIAN KAKITANGAN MBSA 2017

Rajah 1: Statistik Pengisian Perjawatan MBSA 2017



1.2.2 LAPORAN PENGISIAN JAWATAN GRED LANTIKAN, GRED KENAIKAN PANGKAT

Rajah 2: Statistik Pengisian Jawatan Kosong Di Gred Lantikan dan Kenaikan Pangkat




1.3 PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pada tahun 2017, pelbagai program dilaksanakan di bawah Program Pembangunan Modal Insan. Antara program yang dilaksanakan adalah:-

1.3.1 PROGRAM PEMENTORAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Kajian Audit Nilai MBSA Tahun 2017



Hasil analisis mendapati bahawa Maklumbalas Pelanggan berada pada tahap cemerlang dan perlu dikekalkan iaitu pada markah 92.83.

1.4 UNIT KEMUDAHAN & KEBAJIKAN

Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Taklimat Pembiayaan Perumahan Sektor Awam pada 24 November 2017
Taklimat ini diadakan sebagai usaha memberi pendedahan berkenaan tatacara permohonan Pinjaman Perumahan melalui Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).
- 1.4.2 Latihan Sistem I-Klinik Kepada Panel Klinik MBSA
Latihan ini telah diadakan pada 28 Julai 2017 di Bilik Latihan Komputer MBSA mana 52 panel klinik telah menghadiri latihan Sistem i-Klinik ini.




1.5 Unit HRMIS.

Unit ini memantau 6 Sub Modul yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam(JPA):

- a. Sub Modul Data Perjawatan
- b. Sub Modul Pemurnian Data
- c. Sub Modul LNPT (Laporan Nilai Prestasi Tahunan)
- d. Sub Modul SKT (Sasaran Kerja Tahunan)
- e. Sub Modul Pengisytiharaan Harta
- f. Sub Modul Penamatan Perkhidmatan



PERATUSAN LAPORAN SUB MODUL DALAM SISTEM HRMIS JANUARI-DISEMBER 2017



JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

2.0 SEKSYEN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN ASET


Keseluruhan prestasi perolehan adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Perolehan	Jumlah Proses
1.	Pesanan Tempatan (LO)	1405
2.	Arahan Pembayaran	2344
3.	Perolehan Inden	29
4.	Sebutharga (B)	108
5.	Sebutharga	34
6.	Tender	3
7.	Pendaftaran Pemborong	824
8.	Laporan Prestasi Pembekal	2

2.1 PELAKSANAAN SEBUTHARGA/TENDER TERBUKA

Bil	Perkara	2017	Jumlah (RM)
1.	Sebutharga/Tender	37	3,334,045.20
2.	Sebutharga B	108	3,572.380,65

2.2.1 PERBANDINGAN SEBUTHARGA TERBUKA DAN SEBUTHARGA B BAGI TAHUN 2016 DAN 2017





3.0 SEKSYEN LATIHAN, PEMBANGUNAN KERJAYA DAN KUALITI

Pada tahun 2017 Seksyen Latihan, Pembangunan Kerjaya Dan Kualiti telah melaksanakan sesi latihan/kursus, program kualiti seperti butiran berikut:

Bil	Perkara	Bilangan
1	Audit & Anugerah	20
2	Latihan, Bengkel & Kursus	43
Jumlah		63

Sebanyak 63 program Latihan/Kualiti telah dilaksanakan pada tahun 2017 yang terdiri daripada 20 program kualiti (Audit/Anugerah) dan 43 program latihan, kursus dan bengkel.





Atas: Seminar Pengauditan PBT Memperkasa Melalui Pemantapan Audit Pada 5-6 Disember 2017 Hotel Concorde, Shah Alam

Kiri: Audit Penutupan Anugerah Pensijilan Lean MBSA pada 8 November 2017




4.0 UNIT URUSETIA MESYUARAT


Menguruskan sebanyak 266 mesyuarat yang melibatkan Mesyuarat Majlis, Mesyuarat Khas Majlis, Mesyuarat Jawatankuasa, Mesyuarat Pengurusan dan lain-lain mesyuarat sepanjang tahun 2017 mengikut bilangan seperti berikut:

Bil	Bulan	Mesyuarat Majlis	Mesyuarat Khas Bajet	Mesyuarat Jawatankuasa	Mesyuarat Pengurusan	* Lain-Lain Mesyuarat	Jumlah
1	Januari	2	-	16	1	5	23
2	Februari	1	-	18	2	5	26
3	Mac	1	-	18	1	5	25
4	April	1	-	17	2	5	25
5	Mei	1	-	14	1	4	20
6	Jun	1	-	14	-	5	20
7	Julai	1	-	16	-	5	22
8	Ogos	1	-	16	1	5	23
9	September	1	1	15	-	5	22
10	Oktober	1	-	17	2	5	25
11	November	1	-	15	-	5	21
12	Disember	1	-	9	1	3	14
Jumlah		12	1	185	11	57	266

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



STATISTIK PERATUSAN MESYUARAT
SEPANJANG TAHUN 2017 MENGIKUT BULAN




JABATAN KEWANGAN

JABATAN KEWANGAN

1.0 KUTIPAN HASIL MAJLIS BAGI TAHUN 2017

	Anggaran 2016 (RM)	Hasil Sebenar 2016 (RM)	Anggaran 2017 (RM)	Hasil Sebenar 2017 (RM)
Hasil Cukai	266,659,720.00	259,087,966.51	280,681,640.00	272,809,840.00
Hasil Bukan Cukai	136,346,510.00	112,695,978.13	129,795,580.00	116,037,739.00
Terimaan Bukan Hasil	31,400,930.00	27,014,189.39	32,573,760.00	25,150,930.00
Jumlah Hasil	434,406,160.00	398,798,134.03	443,050,980.00	413,998,50.06
Peratus Kutipan		91.80%		93.44%

**GRAF TERIMAAN HASIL MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
BAGI TAHUN 2016 & 2017**




2.0 PERBELANJAAN MAJLIS BAGI TAHUN 2017

Belanja Mengurus	Anggaran 2016 (RM)	Hasil Sebenar 2016 (RM)	Anggaran 2017 (RM)	Hasil Sebenar 2017 (RM)
Emolumen	55,877,270.00	55,859,650.68	59,945,600.00	57,438,227.98
Perkhidmatan & Bekalan	267,943,420.00	257,897,821.53	239,66,660.00	233,806,719.28
Aset	15,575,910.00	12,599,608.13	9,713,670.00	10,546,951.27
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	3,044,150.00	1,954,366.08	2,975,710.00	1,634,504.71
Perbelanjaan-perbelanjaan yang Lain	25,860,830.00	19,885,619.41	28,843,670.00	22,806,858.78
Belanja Mengurus	368,301,580.00	349,197,065.83	341,145,310.00	326,233,262.02
Belanja Pembangunan	75,138,350.00	75,113,827.79	129,253,190.00	122,942,174.86
Jumlah Perbelanjaan	443,439,930.00	423,310,893.62	470,398,500.00	449,175,436.88

3.0 PRESTASI KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2017


Perkara	Tahun	Jumlah Patut Kutip (RM)	Jumlah Dikutip (RM)	Peratus Kutipan
Cukai Semasa	2016	268,470,182.80	244,690,683.28	91.14%
Tunggakan		27,462,929.80	12,819,346.22	46.68%
Cukai Semasa	2017	279,291,822.54	256,972,653.86	92.0%
Tunggakan		39,657,490.09	21,218,459.49	53.50%

GRAF KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2017



4.0 PRESTASI KUTIPAN TEMPAT LETAK KERETA BAGI TAHUN 2017

Perkara	Jumlah Patut Kutip (RM)	Jumlah Dikutip (RM)	Peratus Kutipan (%)
Sewaan Konsesi	5,812,883.19	5,839,258.98	100.45
Petak Letak Kereta Khas	992,704.00	1,107,991.92	111.61
Kompaun	11,282,060.00	13,361,771.94	118.43
Stesen Komuter Sek.19	830,760.00	439,965.42	52.96



5.0 PRESTASI BAYARAN BAGI TAHUN 2017

Bil	Bulan	1-3 Hari (Bil Dokumen)	4-5 Hari (Bil Dokumen)	>5 Hari (Bil Dokumen)	Jumlah Dokumen Diterima	Jumlah Dokumen Diproses
1	Januari	1,433	1,353	18	2,804	2,786
2	Februari	452	848	-	1,300	1,300
3	Mac	802	1,011	1	1,814	1,813
4	April	976	741	66	1,783	1,717
5	Mei	1,106	1,251	2	2,359	2,357
6	Jun	1,016	919	43	1,978	1,935
7	Julai	454	1,074	10	1,538	1,528
8	Ogos	487	1,208	46	1,737	1,691
9	September	318	1,279	9	1,606	1,597
10	Oktober	315	1,666	86	2,067	1,981
11	November	388	1,157	45	1,590	1,545
12	Disember	1,161	1,010	7	2,178	2,171
Jumlah		8,908	13,513	333	22,754	22,421

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

1.0 SEKSYEN PENILAIAN

1.1 Statistik Kadar Taksiran Dan Hasil Cukai Taksiran bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Pegangan	Kadar (%)		Jumlah Pegangan	Nilai Tahunan (RM)	Cukai Taksiran (RM)
		Bangunan	Tanah Kosong			
1.	Kediaman	4.0	3.5	184,767	1,796,432,550	68,494,891.69
2.	Perdagangan	7.0	6.5	36,057	1,678,456,050	112,897,279.05
3.	Perindustrian	7.5	7.0	8,912	1,273,463,295	94,745,913.80
4.	Pertanian	2.0	1.0	20,079	147,968,415	2,848,606.71
5.	Rumah Kedai	7.0	6.5	524	12,995,280	908,908.60
6.	Tanah Pembangunan	-	3.5	460	171,838,370	6,014,055.05
Jumlah				250,779	5,081,153,960	285,909,654.90

1.1.1 Mendengar Bantahan Nilai

Statistik Permohonan dan Keputusan Bantahan Cukai Taksiran Tahun 2017:

Bil	Mesyuarat Mendengar Bantahan	Jumlah Bantahan	Bantahan Lewat	Keputusan		
				Diterima dengan pindaan	Ditolak	Tangguh untuk kajian semula
1.	6 Feb 2017	29 kes (34 pegangan)	2 kes (2 pegangan)	-	-	29 kes (34 pegangan)
2.	6 Mac 2017	2 kes (2 pegangan)	-	2 kes (2 pegangan)	-	-
3.	16 Mei 2016	2 kes (23 pegangan)	2kes (2 pegangan)	-	2 kes (23 pegangan)	-

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

1.1.2 Remisi – Pulangan Balik Cukai Taksiran

Permohonan Remisi 2 kali setahun:

- i. Penggal I/2017 (Bulan Januari – Jun 2017)
- ii. Penggal II/2017 (Bulan Julai – Disember 2017)

Statistik Permohonan dan Proses Tuntutan Remisi Tahun 2017:

Bil	Permohonan Remisi		Tuntutan Remisi	
	Penggal	Jumlah	Penggal	Jumlah
1.	I/2017	591	I/2017	291
2.	II/2017	-	II/2017	-
Jumlah		591		291

Jumlah Penggal II/2017 dapat ditentukan pada hujung Januari 2018

1.1.3 Sumbangan Membantu Kadar

Penilaian untuk Sumbangan Membantu Kadar (SMK) di bawah Fasal 156 Perlembagaan Persekutuan bagi pihak berikut:

- i. Harta Kerajaan Persekutuan
- ii. Harta Kerajaan Negeri
- iii. Harta Badan Berkanun

Statistik Sumbangan Membantu Kadar Bagi Tahun 2017:

Bil	Harta	Pegangan	Nilai Tahunan (RM)	Tuntutan (RM)
1.	Harta Kerajaan Persekutuan			
i.	Balai Polis Seksyen 25	2	288,360.00	15,804.60
ii.	Balai Polis Seksyen U6	3	283,440.00	14,512.80
iii.	Hospital Seksyen 7	7	2,978,280.00	107,343.60
Jumlah		12	3,550,080.00	137,661.00

1.2 SEKSYEN PENGURUSAN HARTA/FASILITI

1.2.1 Unit Pengurusan Harta



Laporan hasil pendapatan penyewaan harta-harta milik MBSA:

Bil	Jenis Harta	Bil Unit Yang Telah Disewakan Sehingga Bulan Disember 2017	Sasaran Sewa Tahun 2017 (RM)	Jumlah Sewa Yang Telah Dikutip (Jan-Dis 2017) (RM)	Peratus Sewa Yang Telah Dikutip (%)
1.	Penyewaan Tapak	52	2,474,390.00	2,616,208.80	105.73
2.	Menara Wisma MBSA	23	3,485,148.00	3,366,750.11	96.60
3.	Pej Terminal Bas/Teksi	27	84,600.00	89,074.00	105.29
4.	Rumah Kedai	15	745,800.00	750,696.00	100.66
5.	Kedai Pejabat	35	1,230,216.00	1,294,567.20	104.52
6.	Tadika	37	1,212,050.00	1,266,857.00	104.52
7.	Restoran	4	286,800.00	305,844.00	106.64
8.	Kilang/Perusahaan Ringan	8	176,400.00	190,174.00	107.81
9.	Penswastan Dewan	5	118,800.00	102,737.00	86.48
10.	Kediaman Majlis	5	27,600.00	28,010.00	101.49
11.	Ruang Pejabat Caw. Setia Alam	1	5,400.00	5,724.00	106.00
Jumlah		212	9,847,204.00	10,016,642.43	1,126.45

Laporan Kutipan Sewa Bagi Penyewaan Rumah Rehat Majlis (Jan-Dis 2017):

Jumlah Unit Rumah Rehat	Jumlah Sewa Yang Dijangka/ Sepatutnya Dikutip (RM)	Jumlah Sewa Yang Telah Dikutip (RM)	Peratus Sewa Yang Telah Dikutip (%)
18 unit	67,580	74,740.00	119.62

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA



1.2.2 Unit Penswastaan

Jawatankuasa Teknikal Penswastaan telah bermesyuarat sebanyak 7 kali sepanjang tahun 2017 bagi membincangkan cadangan permohonan projek penswastaan yang diterima :

Bil	Tarikh Mesyuarat	Bil. Kertas Mesyuarat	Bil Projek Yang Diluluskan	Bil Projek Yang Ditolak	Bil Projek Yang Ditangguh
1.	10 Januari 2017	3	-	2	
2.	10 Februari 2017	6	6	-	
3.	10 Mac 2017	6	2	4	
4.	11 April 2017	3	1		2
5.	8 Mei 2017	7	2	5	
6.	2 Jun 2017	2	-	2	
7.	14 Julai 2017	7	5	2	
8.	13 September 2017	4	3	1	
9.	5 Oktober 2017	3			2
10.	8 November 2017	8	3	2	3
Jumlah Keseluruhan		49	22	18	7

1.2.3 Unit Pengurusan Dewan/Fasiliti

Jumlah Dewan Serbaguna Milik MBSA:

Jenis Dewan	Bilangan Dewan
Dewan Besar	52
Dewan Kecil	20
Jumlah	72

Laporan Sewaan Dewan-Dewan Serbaguna, Dewan Bankuet dan Dewan Auditorium Majlis 2017:

Bil	Bulan	Dewan Serbaguna			Dewan Bankuet (RM)	Auditorium (RM)	Jumlah (RM)
		Keraian (RM)	Gelanggang Sukan (RM)	Jumlah (RM)			
1.	Januari	103,630.00	32,635.00	136,265.00	32,100.00	7,800.00	176,165.00
2.	Februari	87,370.00	29,580.00	116,950.00	19,975.00	-	136,925.00
3.	Mac	92,950.00	31,342.00	124,292.00	12,100.00	666,402.83	802,794.83
4.	April	102,960.00	27,629.00	130,589.00	7,300.00	-	137,889.00
5.	Mei	70,950.00	24,583.00	73,875.00	22,325.00	-	96,200.00
6.	Jun	53,300.00	16,492.04	55,974.00	26,150.00	-	82,124.00
7.	Julai	58,970.00	41,242.92	100,212.92	7,550.00	-	107,762.92
8.	Ogos	31,720.00	38,434.80	70,154.80	30,300.00	-	100,454.80
9.	September	25,400.00	49,041.90	74,441.90	26,450.00	-	100,891.90
10.	Oktober	47,450.00	53,076.70	100,526.70	3,750.00	-	104,276.70
11.	November	220,670.00	43,961.80	264,631.80	4,750.00	-	269,381.80
12.	Disember	149,220.00	35,501.64	184,721.64	27,400.00	-	212,121.64
Jumlah		1,044,590.00	423,520.80	1,432,634.76	220,150.00	674,202.83	2,326,987.59

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

1.3 Seksyen Pelaburan

- Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan dan Perdagangan/Industrial Park Management Committee (IPMC).
- Mengadakan lawatan ke kilang-kilang untuk mengeratkan hubungan baik di antara Majlis dengan kilang-kilang di Shah Alam dan menarik lebih ramai pengilang menjadi ahli IPMC.
- Mengadakan aktiviti tahunan bersama pengilang untuk mengeratkan hubungan baik di antara Majlis dengan pengilang-pengilang di Shah Alam.
- Menyertai pameran/ekspo untuk memberi maklumat pelaburan di Shah Alam.

Melalui Jawatankuasa ini juga sebanyak 39 aduan pengilang-pengilang telah berjaya diselesaikan. Sejumlah RM21,245,776.15 telah dibelanjakan oleh Majlis dalam menyelenggara kawasan perindustrian di dalam kawasan Majlis.

Jadual kekerapan Mesyuarat IPMC dan aduan yang diterima:

Bil	Bilangan Mesyuarat Yang Telah Diadakan	Jumlah Aduan Yang Dibangkitkan	Jumlah Aduan Yang Telah Diselesaikan	Jumlah Aduan Yang Masih Dalam Tindakan	Jumlah Aduan Yang tidak Diselesaikan
1.	4	39	39	-	-



JABATAN PELESENAN

JABATAN PELESENAN

1.0 PENGELUARAN LESEN

- 1.1 Pada tahun 2017, sebanyak 2,941 permohonan lesen telah diluluskan berbanding tahun sebelumnya seperti berikut:**
Bilangan lesen yang diluluskan tahun 2016 dan 2017

Bil	Jenis Lesen	Bil. Lesen Lulus	
		2016	2017
1	Perindustrian	732	580
2	Perniagaan	1,457	1,067
3	Tempat Pengendali Makanan/ Restoran	409	267
4	Tadika/Taska/Taski	30	25
5	Pembuangan Sampah	15	7
6	Hiburan	7	1
7	Iklan	213	166
8	Anjing	55	105
9	Gerai/Kiosk Majlis	108	89
10	Pasar Majlis	39	18
11	Pasar Malam/Pasar Pagi/ Penjaja Sementara	301	616
Jumlah		3,366	2,941

- 1.1.1 Sehingga tahun 2017, jumlah lesen terkumpul yang telah dikeluarkan/diluluskan adalah sebanyak 33,804.**

Perbandingan peratusan mengikut jenis lesen adalah seperti di bawah:

Bilangan lesen terkumpul tahun 2017

Bil	Jenis Lesen	Bil. Lesen Terkumpul 2017	Peratus (%)
1	Perindustrian	7,653	22.6
2	Perniagaan	11,843	35.1
3	Tempat Pengendali Makanan/ Restoran	2,469	7.3
4	Tadika/Taska/Taski	294	0.9
5	Pembuangan Sampah	100	0.3
6	Hiburan	49	0.1
7	Iklan	1,645	4.9
8	Anjing	818	2.4
9	Gerai/Kiosk Majlis	1,891	5.6
10	Pasar Majlis	565	1.7
11.	Pasar Malam/ Pasar Pagi/Penjaja Sementara	6,477	19.1
Jumlah		33,804	100.00

1.2 KUTIPAN HASIL JABATAN

1.2.1 Hasil lesen dan permit

Pada tahun 2017 jumlah keseluruhan kutipan lesen adalah sebanyak **RM14,247,844.78** juta yang terdiri dari kutipan lesen industri, perniagaan, iklan, penyediaan tempat makanan, hiburan, pusat asuhan kanak-kanak, gerai/pasar Majlis, pelbagai permit, dan pelbagai lesen.

Bil	Perkara	2016 (RM)	2017 (RM)
1.	Industri	5,878,102.70	5,234,067.59
2.	Perniagaan	3,780,994.04	3,444,674.36
3.	Iklan	2,074,641.94	1,710,206.04
4.	Penyediaan Tempat Makanan	764,500.00	661,520.25
5.	Hiburan	436,440.00	362,910.00
6.	Pusat Asuhan Kanak-Kanak	40,350.00	28,950.00
7.	Gerai/Pasar Majlis	35,141.42	4,885.04
8.	Pelbagai Permit	2,690,630.05	2,577,645.90
9.	Pelbagai Lesen	242,025.00	222,985.60
Jumlah		15,942,825.15	14,247,844.78

1.2.2 Hasil bayaran perkhidmatan, pelbagai jualan dan denda lewat

Kutipan bagi hasil-hasil lain adalah sebanyak **RM2,698,119.84** juta yang terdiri daripada bayaran perkhidmatan, pelbagai jualan dan denda/caj lewat.

Bil	Perkara	2016 (RM)	2017 (RM)
1.	Bayaran Perkhidmatan	2,640,778.41	2,430,415.69
2.	Pelbagai Jualan	363,514.20	265,254.15
3.	Denda/Caj Lewat	76,505.22	2,450.00
Jumlah		3,080,797.83	2,698,119.84

1.2.3 Hasil sewaan


Selain itu, Jabatan Pelesenan juga dipertanggungjawabkan untuk mengurus penyewaan Gerai, Pasar, Kiosk dan Tapak Penjaja. Hasil kutipan sewaan yang berjaya dikutip bagi premis dan tapak Majlis adalah seperti di bawah:

Bil	Perkara	2016 (RM)	2017 (RM)
1.	Medan Selera	141,054.30	114,102.50
2.	Gerai	1,342,235.60	1,362,059.00
3.	Pasar	1,169,870.83	1,227,690.57
4.	Kiosk	179,931.00	182,268.00
5.	Sewa Tapak Penjaja	432,913.80	311,972.00
Jumlah		3,266,005.53	3,198,092.07

1.2.4 Rumusan kutipan hasil Jabatan Pelesenan

Secara keseluruhannya, prestasi kutipan hasil bagi tahun 2017 adalah baik dengan jumlah yang berjaya dikutip sebanyak **RM20,144,056.71** iaitu dengan peratus kutipan 87% berbanding tahun sebelumnya 80.58%.

Perbandingan Hasil 2015, 2016 dan 2017



JABATAN PELESENAN

Hasil Lesen (RM)			Peratus Kutipan (%)		
2015	2016	2017	2015	2016	2017
20,707,895.70	22,289,628.51	20,144,056.71	80.65%	80.58%	87%

1.3 Penghantaran Notis Pembaharuan Lesen 2017

Sebanyak 14,862 Notis Pembaharuan Lesen telah dikeluarkan sepanjang tahun 2017. Notis pembaharuan ini dikeluarkan tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat lesen. Kaunter bayaran pembaharuan lesen telah bermula pada 5 Disember 2017 dan berakhir pada 13 Disember 2017. Hasil kutipan yang diterima adalah sebanyak RM6,727.40.

Hasil Kutipan Kaunter Pembaharuan Lesen 2018 di Kompleks Membeli Belah

Bil	Pasaraya	Kutipan (RM)
1	Kompleks Sg.Buloh Sek.U20	2,838.60
2	Setia City Mall Sek. U13	3,888.80
Jumlah		6,727.40

1.4 Lesen 1 Jam

Sehingga kini terdapat 90 aktiviti lesen yang boleh diluluskan dalam masa 1 jam. Jumlah lesen 1 jam terkumpul yang telah diluluskan sehingga Disember 2017 adalah sebanyak 2,785 seperti berikut:

Bulan/Tahun	Bilangan Lesen 1 Jam
(14/9-31/12/2011)	79
2012	530
2013	406
2014	563
2015	437
2016	420
2017	350
Jumlah	2,785

1.5 KUTIPAN KAUNTER BERGERAK

1.5.1 Jumlah Kutipan Kaunter Bergerak Tahun 2017

Kategori	Kutipan Gerai/Pasar (RM)	Kutipan Pasar Malam/ Pagi (RM)	Jumlah Kutipan (RM)
Jumlah	910,271.98	233,355.35	1,143,627.33

1.6 Operasi Penjaja



1.7 Pengeluaran Permit Bazar Ramadan MBSA 2017/1438H

Pada tahun 2017, Jabatan Pelesenan telah mengeluarkan sebanyak 2,199 permit kepada peniaga di 34 lokasi yang diuruskan oleh Majlis iaitu 910 tapak undi dan 502 tapak tiada undi manakala sebanyak 787 tapak yang diuruskan oleh pihak JKKK, Persatuan dan swasta. Jumlah hasil kutipan permit Bazar Ramadan tahun 2017 adalah sebanyak RM422,382.60.




Sesi Penyerahan Permit, Penutup Kepala & Apron Kepada Peniaga Bazar Ramadan

JABATAN PERANCANGAN


JABATAN PERANCANGAN

1.0 KELULUSAN PEMBANGUNAN


a. Memproses Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Susunatur (KMPSA)




b. Memproses Permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan (KMPB)



c. Memproses Permohonan Kebenaran Merancang Perubahan Material Penggunaan Bangunan (KMTGB)



d. Ulasan Permohonan Tanah



1.2 PENYELARASAN BILLBOARD

Maklumat keseluruhan struktur papan iklan luaran (Billboard) di kawasan Shah Alam mengikut kategori tapak

Kategori	Bilangan
Rezab Negeri (Tol)	168
Rezab Persekutuan	106
Tanah Persendirian	10
Atas Bangunan	2
Jejantas/Jejambat (Parapet)	41
Jumlah Keseluruhan	327



1.3 HOTEL BAJET





JABATAN PERANCANGAN

1.4. PEMBANGUNAN PELAN GUNATANAH SEMASA (GIS)

1.4.1. Penyelarasan Sempadan Pentadbiran MBSA. Lawatan Tapak telah diadakan seperti ketetapan berikut:

- MBSA/MDKL/MPSJ: 5.10.2017
- MBSA/MPSJ/MDSp: 23.10.2017
- MBSA/MBPJ: 9.11.2017
- MBSA/MPS: 20.11.2017
- MBSA/MDKS: 28.11.2017
- MBSA/MPK: 30.11.2017


Pembahagian 6 Kawasan Mengikut Sempadan PBT



JABATAN BANGUNAN


JABATAN BANGUNAN

1.0 SEKSYEN PELAN



- Penerimaan Pelan Cadangan Baru dan Tambahan Pindaan Untuk Ulasan kepada Perunding Yang Diterima Dari OSC
- Permohonan Pelan Bagi Tindakan Kelulusan Atau Pembatalan
- Penerimaan Borang E
- Penerimaan Siap Pematuhan (CCC) - Borang F
- Permohonan Borang E Untuk Pengeluaran CF


1.1 Seksyen Kawalan Bangunan



- Pemantauan Projek-Projek Kerajaan (Rekod & Kelulusan)
- Permohonan Kelulusan Pelan Cadangan Baru (Banglo Individu)
- Permohonan Kelulusan Pelan Tambahan pindaan Kediaman & PKPL Kediaman (melalui Arkitek/Pelukis Pelan)
- Permohonan Kelulusan Pelan Tambahan Pindaan Kediaman (Pelan Setara)
- Pengeluaran Kompaun
- Pengeluaran Notis
- Penyelesaian Aduan

JABATAN BANGUNAN

1.1.1 Seksyen Projek Khas



2.0 PROJEK MAJLIS

STADIUM MINI

Cadangan Pembangunan Stadium Mini MBSA yang mengandungi 1 Unit Grandstand 2 Tngkat, 1 Unit Pencawang TNB, 1 Unit Rumah Sampah, 2 Unit Pondok Pengawal dan 1 Unit Tempat Letak Motorsikal Berbumbung dan Berkunci di Lot 41116, Jalan Delima 4, Seksyen U18, untuk Majlis Bandaraya Shah Alam.



Perunding: Mohd Nor Architect
Kontraktor: Newbridge Synergy Sdn Bhd

Tempoh pembinaan: 52 minggu
Tarikh mula: 27.09.2016
Tarikh siap: 26.09.2017

GELANGGANG FUTSAL

Cadangan Membina Gelanggang Futsal Berumput dan Berpagar di Atas Tapak Kawasan Rekreasi di Jalan Pegaga 24/8, Seksyen 24, 40300 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.



Kontraktor: Mazli Bin Isa

Tempoh Pembinaan: 10 minggu
Tarikh mula: 12.7.2017
Tarikh siap: 19.9.2017

GELANGGANG BOLA KERANJANG

Cadangan Membina Bumbung dan Pentas serta Kemudahan Berkaitan di Gelanggang Bola Keranjang Sediada di Persiaran Anggerik Vanilla, Seksyen 31 untuk Majlis Bandaraya Shah Alam.



Kontraktor: Putek Niaga Sdn Bhd


Tempoh Pembinaan: 10 minggu

Tarikh mula: 12.7.2017

Tarikh siap: 19.9.2017

3.0 KUTIPAN HASIL JABATAN 2017

Bil.	Program/Aktiviti	Perancangan (RM)	Pencapaian (RM)
1.	Bayaran Yuran Permit Bangunan & Binaan Sementara (kongsi, kabin, hoarding, dan lain-lain binaan di tapak pembinaan, 'Shed', 'partition', 'awning' 'grill', menara telekomunikasi dan 'billboard') Kod Hasil: 71810	868,000.00	3,805,850.00
2.	Bayaran Yuran Permit Letak Bahan Binaan Kod Hasil: 71811	349,920.00	549,459.00
3.	Bayaran Yuran Lulus Pelan Cadangan Baru & Banglo (Individu) Kod Hasil: 72102/72103	245,000.00	459,051.00
4.	Bayaran Yuran Proses Pelan Tambahan/Pindaan & Pelan Setara (Kilang, Kediaman, Kedai dan lain-lain) Kod Hasil: 72104	305,200.00	478,827.00
5.	Penjualan Buku Pelan Setara Kod Hasil: 73102	100,00.00	121,600.00
6.	Penjualan Salinan Sijil CF Kod Hasil: 73104	10,200.00	11,000.00
7.	Penjualan Salinan Pelan Kod Hasil: 73105	8,100.00	6,100.00
8.	Penjualan Risalah/ Buku Garis Panduan Kod Hasil: 73106	10,000.00	5,840.00
9.	Denda Bangunan Kod Hasil: 76802/76501	3,144,700.00	5,167,798.00
	Jumlah Kutipan Anggaran	5,041,120.00	-
	Jumlah Kutipan Sebenar	-	10,605,525.00



JABATAN LANDSKAP

JABATAN LANDSKAP

1.0 SEKSYEN PENYELENGGARAAN LANDSKAP

1.1. Unit Persiaran

Sejumlah RM3.4 juta telah dibelanjakan untuk penyelenggaraan landskap persiaran dengan 41 kontraktor dilantik bagi menguruskan penyelenggaraan pokok seperti cantasan mata tunas, membaja, merumpai, meracun serangga, membentuk pokok dan menyiram pokok.

Bil	Program/Projek	Lokasi
1.	Penambahbaikan Landskap	Persiaran Perbandaran, Hishamudin, Sukan, Tengku Ampuan, Kayangan, Damai, dan Pintu Masuk Stadium Shah Alam
2.	Membaikpulih dan Menyelenggara Padang Bola & Futsal Berumput.	Padang Dataran Kemerdekaan A, B dan C ('Hollow Thining', 'Top Dressing', Kerja-kerja rawatan rumput rosak)
3.	Penanaman pokok bunga annual di lokasi utama Pusat Bandar Raya Shah Alam	i. Dataran Kemerdekaan Shah Alam ii. Persimpangan Hotel Concorde iii. Wisma MBSA iv. Jalan 7/1 v. Laluan Masuk Istana Kayangan vi. Persimpangan Masjid
4.	Pemasangan Sistem Pengairan Padang ('Sprinkler System').	i. Padang A, Dataran Kemerdekaan ii. Padang B, Dataran Kemerdekaan iii. Padang Futsal, Hadapan Teater Shah Alam
5.	Penyulaman Pokok Mati/Rosak di Pusat Bandar. - Pokok Renek	i. Persiaran Tasik ii. Dataran Kemerdekaan iii. Persiaran Dato' Menteri iv. Jalan 7/1





JABATAN LANDSKAP

1.1.1 Unit Pangkasan

Kerja-kerja pangkasan pokok teduhan dilaksanakan melalui pelantikan kontrak.

Tahun	Jumlah Kontrak
2015	15
2016	23
2017	26




GAMBAR RAJAH 5: Pemangkasan Pokok Di Persiaran Jubli Perak



1.1.2 Unit Taman Permainan dan Padang Bola

Unit ini menyelia 690 unit taman permainan yang terdiri daripada 74 padang bola, 80 padang futsal dan 536 taman permainan.





2.0 SEKSYEN PEMBANGUNAN LANDSKAP

2.1. Unit Kawalan Pembangunan Landskap & Rekreasi

Berikut menunjukkan Senarai Penerimaan Memproses Pelan Landskap, Lawatan Tapak, Mesyuarat Jawatankuasa dan Bayaran Tahun 2017:

Bil	Perkara	Jumlah
1.	Memproses Pelan Landskap	85 permohonan
2.	Membuat Lawatan Tapak Pra-Penanaman Pokok dan Pembinaan Padang Permainan	10 lawatan
3.	Membuat Lawatan Tapak Penyerahan Kawasan	19 lawatan
4.	Mesyuarat Pre-J/Kuasa Kerja Pengindahan Bandar	11 kali
5.	Mesyuarat J/Kuasa Kerja Pengindahan Bandar	11 kali

6.	Mesyuarat J/Kuasa Pengindahan Bandar	11 kali
7.	Bayaran Memproses Pelan Landskap	RM43,500.00
8.	Bayaran Sumbangan Anggerik	RM264,300.00
9.	Bayaran Ketidak Patuhan Perimeter Planting	RM194,425.11
10.	Bayaran Caj Penanaman Pokok Oleh Pemaju	RM60,920.00

2.2. Unit Rekabentuk dan Projek Landskap

2.2.1. Kerja-kerja rekabentuk dan pembangunan landskap bulatan, jalan protokol, simpang strategik & kawasan lapang

- Sebahagian merupakan projek menaiktaraf landskap yang melibatkan laluan utama sempena Sukan SEA 2017
- Projek bermula pada April 2017 hingga Jun 2017.



JABATAN LANDSKAP

2.2.2 Kerja-kerja merekabentuk dan menaiktaraf landskap di sekitar Wisma MBSA

Projek menaiktaraf dan pengindahan semula persekitaran landskap di Bangunan Wisma MBSA

